

# UMPH Anjur Majlis Apresiasi Harga Perunding Universiti



Kuantan, 26 Januari - UMP Holdings Sdn. Bhd (UMPH) menganjurkan Majlis Apresiasi Perunding Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai menghargai jasa dan komitmen di kalangan perunding, penyelidik dan staf UMP yang telah terlibat dalam kerja perundingan, latihan, pengkomersilan dan penyewaan fasiliti yang menyumbang terhadap pembangunan dan kemajuan syarikat.

Hadir menyerikan majlis adalah Pengerusi UMPH, Dato' Mohd. Hilmey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ahli Lembaga Pengarah UMP, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman hj. Safie.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pada peringkat awal penubuhan UMPH, ianya disokong oleh peluang-peluang perniagaan dari universiti sendiri dan UMP memainkan peranan yang penting dalam memberi suntikan dan bantuan pelbagai bidang.

"Tahun ini memperlihatkan pendapatan keseluruhan yang memberangsangkan iaitu RM 31,607,880 hasil daripada penyewaan tanah dan bangunan, penyewaan kenderaan, fasiliti, apartmen serta lain-lain sewaan. Malahan bagi tahun ini bakal menjanjikan lebih banyak peluang perniagaan dalaman dan luaran," katanya.



Tambah beliau, dari aspek perundingan, latihan dan khidmat teknikal tahun lalu menunjukkan prestasi yang memberangsangkan hasil kegigihan dan komitmen staf yang terdiri di kalangan professor, pensyarah dan staf sokongan melibatkan makmal berpusat, fakulti, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan dan pusat kecemerlangan.

Prestasi sesebuah universiti boleh diukur hasil penyelidikan produk yang dikomersilkan bagi memberi manfaat kepada negara termasuk pembinaan prototaip, penghasilan produk dan nilai komersil sesuatu produk. Turut membanggakan kejayaan syarikat terbitan (spin off company) seperti UMP Ecopest Sdn. Bhd, UMP Green Technology Sdn Bhd dan UMP Innovest Sdn. Bhd.

Begitu juga dengan tiga produk lagi iaitu Keratin, Diaclean dan Asar Font yang masih dalam proses perundingan dengan beberapa agensi turut mempunyai potensi besar untuk dikembangkan.

Dalam mencapai matlamat Pelan Strategik UMP, universiti telahpun merancang pelbagai projek penjana pendapatan melibatkan seluruh warganya bagi menggembeling tenaga mencapai taraf autonomi dan memenuhi hasrat 30 peratus berpendapatan sendiri menjelang 2020. Justeru pastinya UMPH turut memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan hasrat ini.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 30-01-2015, 15:18:38